

**KURSUS PENGUKUHAN GOVERNANS, INTEGRITI DAN ANTI RASUAH (MPGIA)
SIRI 1 MELIBATKAN ANGGOTA MPAG (KUMPULAN PELAKSANA)
11 MEI 2026 (ISNIN) / 9.00 PAGI - 12.00 TENGAH HARI
DEWAN SERI BOUGAINVILLEA, MPAG**

Kursus Pengukuhan Governans, Integriti dan Anti Rasuah (MPGIA) Siri 1 Melibatkan Anggota MPAG (Kumpulan Pelaksana) telah diadakan pada 11 Mei 2026 (Isnin) bagi memberi pendedahan dan meningkatkan kesedaran anggota MPAG berkaitan kepentingan amalan governans yang baik, integriti serta pencegahan rasuah dalam organisasi. Taklimat kursus tersebut telah disampaikan oleh PKPj Kamarulzaman bin Ahmad (CeIO), Pengarah Jabatan Integriti, DBKL.

Integriti merupakan elemen penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap, telus dan berkesan di MPAG. Dalam melaksanakan tugas harian, setiap anggota perlu mengamalkan nilai amanah, jujur, bertanggungjawab serta mematuhi peraturan dan tatakelakuan yang telah ditetapkan bagi menjaga imej serta kredibiliti organisasi.

Ketiadaan integriti dalam pelaksanaan tugas boleh mengakibatkan pelbagai risiko seperti salah guna kuasa, rasuah, penyelewengan, ketirisan maklumat, kecuaiian dalam tugas serta menjejaskan kepercayaan masyarakat terhadap organisasi. Selain itu, tindakan tidak berintegriti juga boleh memberi implikasi tatatertib dan perundangan kepada anggota yang terlibat.

Bagi memperkukuhkan budaya integriti di MPAG, beberapa langkah perlu diberi perhatian antaranya meningkatkan kesedaran melalui kursus dan taklimat integriti, memperkasakan pematuhan tatakelakuan penjawat awam, mengamalkan budaya kerja beretika, memperkukuhkan sistem pemantauan dalaman serta menggalakkan anggota melaporkan sebarang salah laku atau pelanggaran integriti.

Pelaksanaan pengukuhan integriti dalam tugas harian amat penting bagi memastikan MPAG terus menjadi organisasi yang berwibawa, dipercayai dan mampu memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat secara profesional, telus dan bebas rasuah.

- ❖ Marilah kita bersama-sama menjadikan integriti sebagai budaya kerja dan amalan hidup
- ❖ Mulakan dengan diri sendiri, kerana organisasi yang cemerlang lahir daripada warga kerja yang amanah dan berintegriti

“KATAKAN TIDAK KEPADA RASUAH”



